KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 4352
Web : www.treasury.gov.my

Ruj. Kami : K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2 (46)
Tarikh : 15 Februari 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN SECARA INTERIM KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (**CJP**) di bawah Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807) berkuat kuasa pada 1 September 2018 bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**CBP**). Sehubungan itu bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Secara Interim Ke Atas Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan yang menjelaskan berkenaan langkah yang perlu diambil oleh Kementerian / Pusat Tanggungjawab (**PTJ**).

3. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memanjangkan surat ini kepada semua **PTJ** di bawah seliaan masing-masing dan perolehan dilaksanakan berdasarkan garis panduan ini.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN ROSNI BINTI MOHD YUSOFF)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
   Jabatan Perdana Menteri
   Bahagian Kewangan
   Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62502 PUTRAJAYA
   (u.p.: Encik Shahrul Kamal bin Osman) **Faks: 03-8890 1460**

2. Ketua Setiausaha
   Kementerian Dalam Negeri
   Bahagian Perolehan
   Blok D1 & D2, Kompleks D
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62546 PUTRAJAYA
   (u.p.: Puan Iswalah Arshad) **Faks: 03-8881 1613**

3. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pertahanan
   Bahagian Perolehan
   Wisma Pertahanan
   Jalan Padang Tembak
   50634 KUALA LUMPUR
   (u.p.: Encik Wan Kozil bin Wan Ahmad) **Faks: 03-2698 2626**

4. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pengangkutan Malaysia
   Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
   Aras 6, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62100 PUTRAJAYA
   (u.p.: Encik Suhaimi Ali @ Ahmad) **Faks: 03-8888 0159**

5. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia
   Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
   Aras 5, Blok E2, Kompleks E
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62604 PUTRAJAYA
   (u.p.: Encik Aedy Fadly bin Ramli) **Faks: 03-8884 6800**

6. Ketua Setiausaha
   Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
   Bahagian Kewangan dan Perolehan
   Aras 14, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
   62100 PUTRAJAYA
   (u.p.: Puan Fazidah binti Mustafa) **Faks: 03-8891 3180**

7. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Bahagian Kewangan
Aras 3, 7 & 8, Lot 4G9
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Kudratullah Fatimy bin Afandi) **Faks: 03-8911 5869**

8. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Bahagian Kewangan
Aras 5, Wisma Tani, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Helmy Zai bin Ibrahim) **Faks : 03-8870 1580**

9. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Bahagian Perolehan
Aras 15, No 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Nasharuddin bin Abu Bakar) **Faks: 03-8888 2350**

10. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Pembangunan, Kewangan & Sumber Manusia
Aras 8, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Dato' Md Ziki bin A. Rahman) **Faks: 03-8889 2313**

11. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Perolehan Dan Penswastaan
Aras 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Wan Hashim bin Wan Rahim) **Faks: 03-8888 8784**

12. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Bahagian Kewangan
Wisma Putra
No.1 Jalan Wisma Putra
Presint 2
62602 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Shuhada bin Othman) **Faks: 03-8889 2930**

13. Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Bahagian Kewangan
Aras 3, Blok 2
Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin) **Faks: 03-8889 7730**

14. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Bahagian Kewangan
Aras 12, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Siti Nor binti Minu) **Faks: 03-8891 7173**

15. Ketua Setiausaha
Kementerian Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi , Alam Sekitar & Perubahan Iklim
Bahagian Kewangan
Aras 7, Blok C4, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Mareena binti Mahpudz) **Faks: 03-8888 6070**

16. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Kewangan
Menara KBS
Aras 7, Menara KBS, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Misjijah binti Marul) **Faks: 03-8888 8769**

17. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Bahagian Kewangan
Tingkat 25, Menara MITI, No.7
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
(u.p.: Encik Kalithasan Kaliappan) **Faks: 03-6206 1846**

18. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
Bahagian Perolehan dan Pembangunan
No. 13, Aras 6 (Menara)
Persiaran Perdana, Presint 2
62623 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Noor Rashida binti Abdul Rashid) **Faks: 03-8882 5566**

19. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Bahagian Kewangan
Tingkat 3, Blok A
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR
(u.p.: Puan Norsaidatul Ihshan binti Mustapha) **Faks: 03-2711 1962**

20. Ketua Setiausaha
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Nik Yusaimi bin Yussof) **Faks: 03-8889 2672**

21. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Kewangan
Aras 33, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Hanani binti Sidek) **Faks: 03- 8323 2016**

22. Ketua Setiausaha
Kementerian Industri Utama
Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan
No. 15, Aras 6, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Wan Saiful Ikhmal bin Wan Abdul Rahman) **Faks: 03-8880 3482**

23. Ketua Setiausaha
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Blok B5 & Blok B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Khairuddin bin Bakar) **Faks: 03-8888 3312**

24. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Blok E 4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Ainul Rasyidah binti Ab Rahim) **Faks: 03-8890 5719**

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. **Encik Hazim bin Jamaluddin**
   Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
   Kementerian Kewangan Malaysia
   Aras 3, Blok Selatan
   Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62592 PUTRAJAYA **Faks: 03-8882 4324**

2. **YBhg. Datuk Saat bin Esa**
   Akauntan Negara Malaysia
   Jabatan Akauntan Negara
   Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
   Kompleks Kementerian Kewangan
   No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62594 PUTRAJAYA **Faks: 03-8889 5821**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN SECARA INTERIM KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (**CJP**) di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] berkuat kuasa pada 1 September 2018 bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**CBP**). Semua perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta 806 dan Akta 807 dasar kenaan **CJP**.

1.2 Sehubungan itu, Sistem ePerolehan (**eP**) akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan pelaksanaan **CJP** untuk diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan (bukan perunding). Dalam tempoh penambahbaikan tersebut, Kementerian / Pusat Tanggungjawab (**PTJ**) hendaklah mengambil langkah-langkah seperti yang dinyatakan dalam garis panduan ini sebagai kaedah interim untuk melaksanakan **CJP** bagi perolehan Kerajaan melalui Sistem **eP**.

2. DASAR PEROLEHAN KERAJAAN DALAM PELAKSANAAN CJP

2.1 Perolehan Bekalan

a. Secara umumnya, Cukai Jualan (**CJ**) adalah dikenakan dan dilevikan ke atas barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar di Malaysia atau barang yang diimport ke dalam Malaysia yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 serta peraturan dan perintah berkaitan **CJ** yang berkuat kuasa.

b. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan diberi pengecualian kenaan **CJ** ke atas perolehan barang di atas kecuali bagi perolehan petroleum dan kenderaan import. Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (Sijil Pengecualian Cukai) hendaklah dikeluarkan bagi tujuan ini.

c. Bagi perolehan barang yang dilaksanakan dengan pembekal (selain pengilang atau pengimport), **CJ** telah menjadi sebahagian daripada kos kerana telah dikenakan di peringkat pengilang atau pengimport. Oleh itu, pembekal tidak boleh mengenakan **CJ** kepada Kerajaan Persekutuan.

d. Bagi perolehan kereta yang diimport, petroleum (RON 97) dan perolehan bahan bakar secara pukal [RON 95, diesel, *liquefied petroleum gas / liquid petroleum gas* LPG / LG (50kg) dan *aviation fuel* (AVGAS)] adalah dikenakan **CJ**.

e. Kementerian / **PTJ** juga hendaklah mengenal pasti jenis bekalan dan kawasan pembekalan (Malaysia / Kawasan Ditetapkan) dalam menentukan sama ada perolehan yang dibuat dikenakan **CJ** atau sebaliknya.

2.2 Perolehan Perkhidmatan

a. Cukai Perkhidmatan (**CP**) adalah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 serta peraturan dan perintah berkaitan **CP** yang berkuat kuasa.

b. Hanya perkhidmatan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 sahaja yang tertakluk kepada kenaan **CP**. Perkhidmatan selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tersebut adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada kenaan **CP**.

c. Kementerian / **PTJ** juga hendaklah mengenal pasti jenis perolehan perkhidmatan dan kawasan pembekalan (Malaysia / Kawasan Ditetapkan) dalam menentukan sama ada perolehan yang dibuat dikenakan **CP** atau sebaliknya.

2.3 Perolehan Kerja (melibatkan bekalan dan perkhidmatan)

a. Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan **CJ** kerana kebanyakan bahan asas pembinaan sudah dikecualikan daripada **CJ** berdasarkan Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018.

b. Agensi juga hendaklah menyemak perolehan kerja selain daripada pembinaan sama ada disenaraikan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana perolehan kerja yang disenaraikan di bawah jadual tersebut hendaklah dikenakan **CP**.

2.4 Sila rujuk Soalan Lazim berkaitan pelaksanaan **CJP** dalam perolehan Kerajaan di portal Kementerian Kewangan di www.treasury.gov.my.

3. PELAKSANAAN CJP DALAM SISTEM ePEROLEHAN

3.1 Kementerian / **PTJ** hendaklah memberi perhatian ke atas perkara-perkara berikut dalam melaksanakan **CJP** melalui Sistem **eP**:

a. Mana-mana pembekal (pengilang, pengimport dan penyedia perkhidmatan bercukai) yang ditawarkan kontrak perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu atau melebihi had nilai yang ditetapkan dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar **CJ** atau **CP** atau kedua-duanya sekali dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (**JKDM**);

b. Hanya pembekal yang berdaftar **CJ** / **CP** sahaja yang boleh mengenakan **CJ** / **CP** ke atas bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan dalam perolehan Kerajaan tertakluk kepada permulaan tarikh kuat kuasa pendaftaran **CJ** / **CP** tersebut; dan

c. Bagi pembekal yang tidak berdaftar **CJ** / **CP** yang ditawarkan kontrak perolehan Kerajaan, Kementerian / **PTJ** bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pembekal supaya pada bila-bila masa setelah pembekal berdaftar dengan **JKDM**, pembekal hendaklah

memaklumkan Kementerian / **PTJ** supaya pindaan kontrak dibuat bagi membolehkan **CJ** / **CP** dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan pembekal untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan **JKDM** akan menyebabkan pembekal perlu menanggung **CJ** / **CP** dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.

3.2 Berikut merupakan tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian / **PTJ** dalam melaksanakan **CJP** melalui Sistem **eP** mengikut modul tertentu selaras dengan dasar pengenaan **CJP** yang telah ditetapkan bagi perolehan Kerajaan:

Bil.	Modul	Pelaksanaan
1.	Perancangan Perolehan	i. Pada masa ini tiada sebarang perubahan dibuat ke atas modul ini. ii. Kementerian / **PTJ** hendaklah mengambil kira kenaan **CJ** / **CP** dalam perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan. Namun, untuk menentukan kaedah perolehan, Kementerian / **PTJ** hendaklah menggunakan harga anggaran jabatan tanpa kenaan **CJ** / **CP**.
2.	Pembelian Terus (Bermasa) / Sebut Harga / Tender	i. Semua tawaran harga pembekal (pembelian terus, sebut harga dan tender) hendaklah dikemukakan tanpa kenaan **CJ** / **CP**. ii. Bagi perolehan yang mengkehendaki Surat Setuju Terima (**SST**) dikeluarkan kepada pembekal, Kementerian / **PTJ** hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut: a. Kementerian / **PTJ** hendaklah menyemak di dalam Portal MySST status pendaftaran **CJ** / **CP** pembekal dengan **JKDM** sama ada pembekal berdaftar bagi kenaan **CJ**, kenaan **CP** atau kedua-duanya sekali. b. Tarikh kuat kuasa pendaftaran **CJ** mungkin berbeza dengan tarikh kuat kuasa pendaftaran **CP** bagi pembekal yang sama. c. Status pembekal sama ada sebagai pengilang, pengimport, pembekal (pemborong, peruncit,

		pengedar) atau penyedia perkhidmatan. iii. Dengan mengambilkira perkara (ii) di atas, Kementerian / **PTJ** hendaklah membuat penentuan kenaan **CJ** / **CP** dalam pengeluaran **SST** berdasarkan senario berikut: a. Sekiranya pembekal yang berjaya adalah berdaftar **CJP** dengan **JKDM** dan <u>tarikh kuat kuasa pendaftaran **CJP** telah berkuat kuasa</u>, Kementerian / **PTJ** hendaklah memasukkan kenaan **CJP** ke atas harga tawaran di dalam **SST**. Walau bagaimanapun, bagi pengilang berdaftar atau pengimport, sekiranya pembekal yang berjaya adalah berdaftar **CJ** dengan **JKDM** dan tarikh kuat kuasa pendaftaran **CJ** telah berkuat kuasa tetapi perolehan tersebut telah mendapat pengecualian daripada kenaan **CJ**, maka Kementerian / **PTJ** perlu mengeluarkan **SST** tanpa kenaan **CJ**. Bagi perkhidmatan, sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan **CP** dan pembekal yang berjaya adalah berdaftar **CP** dengan **JKDM**, maka Kementerian / **PTJ** perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan **CP** di dalam **SST**. Bagi perkhidmatan yang tidak dikenakan **CP**, Kementerian / **PTJ** perlu mengeluarkan **SST** tanpa kenaan **CP**. b. Sekiranya pembekal yang berjaya adalah berdaftar **CJ** / **CP** dengan **JKDM** tetapi <u>tarikh kuat kuasa pendaftaran **CJ** / **CP** belum berkuat kuasa</u>, Kementerian / **PTJ** tidak perlu memasukkan kenaan **CJ** / **CP** ke atas harga tawaran di dalam **SST**.

		Walau bagaimanapun, sekiranya tarikh pendaftaran **CJ / CP** telah dikuatkuasakan dalam tempoh kontrak masih berkuatkuasa, Kementerian / **PTJ** hendaklah membuat pindaan kontrak tersebut disebabkan pelarasan **CJ / CP** . iv. Buat masa ini, perubahan yang dibuat di dalam modul ini ialah penambahan satu (1) medan baharu bagi **CJ / CP** . v. Sebagaimana pelaksanaan **CBP**, medan "Harga Cadangan Tawaran" akan dipaparkan berdasarkan tawaran pembekal tanpa nilai **CJ / CP**. vi. Oleh itu, nilai **CJ / CP** perlu dikunci masuk oleh Urus Setia Perolehan di medan **"Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan"** (yang mana berkaitan) semasa penyediaan **SST**. Medan "**Amaun Keseluruhan Kontrak (RM)"** akan mengambil kira **Harga Cadangan Tawaran (RM)** dan Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan (RM). vii. **Harga Cadangan Tawaran (RM)** dan **Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan (RM)** seperti di perkara (v) dan (vi) di atas akan dibawa ke Modul Pengurusan Kontrak untuk dijadikan sebagai nilai keseluruhan kontrak.
3.	Pembelian Terus (*One-off*)	i. Semasa penyediaan Nota Minta, nilai **CJ / CP** tidak perlu dikunci masuk. ii. Oleh itu, kaedah pemenuhan bagi perolehan ini boleh dirujuk pada perenggan iii perkara 5 (Modul Pemenuhan)
4.	Pengurusan Kontrak	i. Bagi pelaksanaan **CJ / CP**, penambahan satu (1) medan baharu di dalam modul ini telah dibuat bagi membolehkan pentadbir kontrak mengunci masuk nilai **CJ / CP** tertakluk kepada

		kelulusan Pegawai Pengawal selaras dengan PK1. ii. Walau bagaimanapun, medan 'Amaun **CBP'** masih dikekalkan bagi memenuhi keperluan kontrak sedia ada atau sebarang perubahan kontrak yang melibatkan **CBP** dan **CJ / CP.** iii. Bagi **SST** yang dikeluarkan <u>sebelum 1 Januari 2019</u>, Kementerian / **PTJ** hendaklah mengambil tindakan berikut: a. Mengenal pasti perolehan bekalan / perkhidmatan tersebut dikenakan **CJ / CP** atau tidak; b. Nilai **CJ / CP** hanya dikenakan ke atas **baki bekalan / perkhidmatan yang disempurnakan bermula 1 September 2018**; c. Bagi kontrak bekalan / perkhidmatan bercukai yang mempunyai perjanjian, Pentadbir Kontrak dan Pelulus Kontrak hendaklah membuat penyelenggaraan kontrak dengan memilih "Pindaan Dengan Kontrak Tambahan" dan memuat naik kelulusan Pegawai Pengawal untuk pelarasan harga kontrak disebabkan oleh **CJ / CP** sebagaimana yang dinyatakan pada PK1.3; dan d. Bagi kontrak bekalan / perkhidmatan bercukai yang tidak mempunyai perjanjian, Pentadbir Kontrak dan Pelulus Kontrak hendaklah membuat penyelenggaraan kontrak dengan memilih "Kemaskini Maklumat Pemenuhan". iv. Bagi **SST** yang dikeluarkan <u>pada atau selepas 1 Januari 2019</u>, Sistem **eP** akan mengambil nilai **CJ / CP** yang dikunci masuk di dalam Modul Pembelian Terus (bermasa)

		/ Sebut Harga / Tender semasa pengeluaran **SST**. Sekiranya pelarasan nilai **CJ** / **CP** perlu dibuat, Pentadbir Kontrak boleh mengemas kini nilai **CJ** / **CP** dan memastikan nilai yang dikunci masuk adalah seperti mana dokumen pindaan kontrak yang dimuktamadkan.
5.	Pemenuhan	i. Pada masa ini, tiada sebarang perubahan dibuat ke atas modul ini. Pelaksanaan **CJ** / **CP** di dalam Sistem **eP** adalah melalui pengeluaran Nota Debit. ii. Semua pesanan dan bayaran bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding hendaklah dilaksanakan melalui modul ini. Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan melalui Sistem **eP** adalah berdasarkan harga tawaran pembekal iaitu tanpa kenaan **CJ** / **CP**. iii. Bagi membolehkan bayaran dibuat dengan mengambil kira kenaan **CJ** / **CP** bagi <u>perolehan bekalan / perkhidmatan bercukai</u>, Kementerian / **PTJ** hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut: **A) Perolehan Perkhidmatan Bercukai** a. Bagi perolehan perkhidmatan bercukai, pembekal <u>perlu mengemaskini</u> amaun perkhidmatan sebenar termasuk amaun **CP** di medan '**Amaun Penghantaran**' semasa pembekal menyerahkan Pesanan Penghantaran kepada Kementerian / **PTJ** seperti contoh pengiraan berikut:

Paparan asal sistem

Harga Seunit (RM)	= 1,000
Kuantiti Pesanan	= 10
Amaun Penghantaran (RM)	=10,000 (Amaun ini adalah janaan sistem. Pembekal perlu membuat pindaan sekiranya perolehan melibatkan kenaan CP seperti contoh di bawah.)

Pengemaskinian oleh pembekal (dengan andaian kuantiti penerimaan sama dengan kuantiti pesanan)

Harga Seunit (RM)	= 1,000
Kuantiti Pesanan	= 10
Amaun CP (medan ini tiada dalam paparan sistem)	= 10,000 x 6/100 = RM600 (Pembekal membuat pengiraan manual)
Amaun Penghantaran (RM)	= 10,000 + 600 = 10,600 (Amaun yang perlu dikemaskini oleh pembekal iaitu: Amaun Penghantaran + Amaun CP)

b. Penerima Barang / Perkhidmatan dan Pegawai Pengesah di Kementerian / **PTJ** bertanggungjawab untuk menyemak Amaun Penerimaan termasuk **CP** sebelum mengesahkan penerimaan bekalan / perkhidmatan berdasarkan pengiraan di atas.

c. Sekiranya pembekal tersilap memasukan kenaan **CP** tersebut, Penerima Barang / Perkhidmatan atau Pegawai Pengesah di Kementerian / **PTJ** boleh menolak atau meminda amaun penerimaan tersebut berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

d. Invois / Invois Cukai akan menggunakan format yang

sama seperti mana semasa pelaksanaan **CBP**. Oleh itu, medan **'Amaun Invois Tanpa CBP'** dan '**Amaun Invois Dengan CBP**' di dalam Invois / Invois Cukai akan dipaparkan dengan nilai yang sama berdasarkan amaun sebenar perkhidmatan termasuk cukai seperti mana pengesahan penerimaan bekalan / perkhidmatan oleh Kementerian / **PTJ**.

e. Manakala, Sistem **eP** akan memaparkan Amaun Fi Perkhidmatan berdasarkan peratusan potongan mengikut Jenis Pemenuhan sama ada *one-off* (0.8%) atau bermasa (0.4%):

Formula pengiraan A

Amaun Fi Perkhidmatan (RM)	= Peratusan potongan X Amaun Invois **Dengan CBP**
Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	Amaun Invois Dengan CBP – Fi Perkhidmatan

Contoh pengiraan A

Amaun Invois Dengan CBP (RM)	= RM10,600
Amaun Fi Perkhidmatan (RM)	= 0.8% X RM10,600 = RM84.80
Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	= RM10,600 – RM84.80 = RM10,515.20

f. Sistem akan mengeluarkan Nota Debit sekiranya nilai yang dipaparkan di medan '**Amaun Invois Dengan CBP**' melebihi nilai tanggungan peruntukan di Pesanan Kerajaan yang telah dikeluarkan.

PERINGATAN:

Walau bagaimanapun, pengiraaan sebenar bagi fi perkhidmatan mengikut Akta 806 dan Akta 807 adalah seperti di bawah.

Formula pengiraan B

Amaun Fi perkhidmatan (RM)	= Peratusan potongan X (Amaun Invois Dengan CBP – Amaun CP) (pengiraan manual oleh pembekal)
Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	Amaun Invois Dengan CBP – Amaun Fi Perkhidmatan

Contoh pengiraan B

Amaun Invois Dengan CBP (RM)	= RM10,600
Amaun CP	= RM600
Amaun Fi Perkhidmatan (RM)	= 0.8% X (RM10,600 – RM600) = 0.8% X RM10,000 = RM80.00
Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	= RM10,600 – RM80.00 = RM10,520.00

Oleh itu, jumlah lebihan bayaran fi perkhidmatan **CDCSB** adalah perbezaan amaun bayaran kepada pembekal dalam Contoh Pengiraan A berbanding Contoh Pengiraan B seperti ringkasan berikut:

Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	Contoh Pengiraan A = RM10,600 – RM84.80 = RM10,515.20
Amaun Bayaran Kepada Pembekal (RM)	Contoh Pengiraan B = RM10,600 – RM80.00 = RM10,520.00
Jumlah Tuntutan Pembekal Kepada CDCSB (RM)	**= RM10,520.00 - RM10,515.20 = RM4.80**

		Peringatan: Memandangkan Sistem eP tidak dapat dibuat penambahbaikan dengan segera bagi memenuhi formula pengiraan sebenar seperti di atas, pembekal hendaklah membuat tuntutan perbezaan potongan terlebih bayar bagi fi perkhidmatan kepada Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (**CDCSB**) dengan menggunakan tatacara seperti di Lampiran A. **B) Perolehan Bekalan Bercukai** a. Bagi perolehan bekalan bercukai, pada masa ini Sistem **eP** hanya membenarkan pesanan dan bayaran kepada pembekal dibuat tanpa kenaan **CJ**. Ini adalah kerana pembekal tidak dibenarkan mengemaskini amaun pembekalan sebenar termasuk amaun **CJ** di medan '**Amaun Penghantaran**' bagi perolehan bekalan semasa menyerahkan Pesanan Penghantaran kepada Kementerian / **PTJ.** b. Oleh itu, Kementerian / **PTJ** dibenarkan untuk membuat bayaran keseluruhan perolehan bekalan yang bercukai di dalam Sistem iGFMAS. Secara umumnya, hanya perolehan petroleum dan kenderaan import yang dikenakan **CJ**. c. Walau bagaimanapun, Kementerian / **PTJ** hendaklah sentiasa menyemak Akta Cukai Jualan 2018 mengenai item bekalan yang tertakluk kepada cukai jualan atau merujuk dengan pihak **JKDM** untuk penjelasan lanjut. d. Mana-mana perolehan bekalan yang mempunyai **CJ** dan dibayar melalui iGFMAS hendaklah dikeluarkan Pesanan Kerajaan terlebih dahulu dan tidak terakluk kepada kenaan fi perkhidmatan **CDCSB**.

4. PENUTUP

4.1 Kementerian / Pusat Tanggungjawab (**PTJ**) hendaklah memastikan sebarang perolehan yang hendak dilaksanakan mematuhi dasar kenaan **CJP** agar ianya teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
15 Februari 2019

LAMPIRAN A

TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN FI PERKHIDMATAN COMMERCE DOT COM SDN BHD (CDCSB)

1. TUJUAN

Tatacara ini bertujuan untuk memberi panduan bagi proses permohonan tuntutan lebihan bayaran fi perkhidmatan CDCSB.

2. PROSES TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN FI PERKHIDMATAN (CDCSB)

2.1 Pembekal perlu log kes melalui aplikasi eAduan di dalam Portal ePerolehan / e-mail (bantuan@eperolehan.gov.my).

2.1.1 Sila pastikan maklumat berikut dikemukakan dengan lengkap semasa log kes :

i. Surat permohonan yang telah ditandatangani pembekal;
ii. Nama pembekal;
iii. Nombor telefon pembekal;
iv. Nombor akaun bank;
v. Nama bank;
vi. Nama pemilik akaun bank;
vii. Nilai sebenar baucar bayaran;
viii. Jumlah tuntutan bayaran balik;
ix. Sebab-sebab pembayaran balik;
x. Bukti pembayaran; dan
xi. Sebarang dokumen sokongan yang berkaitan.

2.2 CDCSB akan membuat semakan ke atas tuntutan lebihan bayaran fi perkhidmatan yang telah dilog bagi memastikan semua dokumen adalah lengkap.

2.3 Permohonan yang lengkap akan dihantar ke Unit Akaun CDCSB untuk tindakan seterusnya. Permohonan yang tidak lengkap akan dipulangkan semula kepada pembekal untuk dilengkapkan.

2.4 Proses pembayaran balik akan mengambil masa selama 14 hari waktu bekerja.

2.5 Setiap pembayaran akan dimaklumkan kepada pembekal melalui sistem eAduan atau secara e-mail.

CARTA ALIRAN
TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN FI PERKHIDMATAN COMMERCE DOT COM SDN BHD (CDCSB)